

# Dua kem UMNO buat penentuan

Mesyuarat MKT esok dijangka panas dengan dua isu

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

SHAH ALAM

**M**esyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO esok dijangka menyaksikan pertembungan antara kem yang menyokong Presiden, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan kumpulan yang inginkan perubahan segera pucuk pimpinan.

Penganalisis politik Universiti Putra Malaysia, Dr Syed Agil Alsagoff berkata, pertembungan dua kem itu dijangka tidak dapat dielakkan kerana UMNO kini berada di persimpangan dilema dalam menentukan hala tuju parti itu menjelang Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Jelas beliau, kem 'kluster menteri yang disokong ahli-ahli MKT cenderung kerajaan Perikatan Nasional (PN) dan kem Ahmad Zahid dijangka menyatakan pendirian masing-masing berhubung dua persoalan utama.

"Persoalan pertama adalah mengenai tarikh UMNO menarik sepenuhnya sokongan terhadap kerajaan PN dan kedua, mengenai kewajaran pemilihan UMNO diadakan mengikut jadual."

"Dalam perkara pemilihan itu, saya menjangkakan kem pro-Presiden UMNO akan berusaha memastikan ia ditangguhkan semaksimum 18 bulan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Syed Agil mengulas persoalan kedua ialah desas-desus mesyuarat MKT UMNO esok bakal membuat keputusan sama ada pemilihan UMNO akan diadakan mengikut jadual atau ditangguhkan.

Mengikut perlumbagaan UMNO, proses pemilihan perlu diadakan setiap tiga tahun sekali dengan tempoh penggal kepimpinan parti sedia ada berakhir pada bulan Jun.

Bagaimanapun, perlumbagaan parti juga menyebut pemilihan UMNO boleh ditangguhkan selama 18 bulan lagi dengan syarat alasan penangguhannya diterima Jabatan Pendaftar Pertubuhan.

Kali terakhir pemilihan pucuk kepimpinan UMNO diadakan adalah pada 30 Jun 2018.

Mesyuarat MKT esok turut diramal menjadi penentu hayat kerajaan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin susulan Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2020 sebulat suara memberikan mandat kepada badan tertinggi UMNO itu untuk menentukan tarikh sesuai untuk parti menarik balik sokongan terhadap kerajaan PN.

Syed Agil berkata, di sebalik apa jua isu bakal diperdebatkan dua kem berkenaan dalam mesyuarat MKT UMNO kelak, beliau berharap ahli-ahli MKT tidak terburu-buru dan meletakkan kepentingan rakyat mendahului kepentingan parti.

Jelas beliau, MKT UMNO harus mengambil kira cabaran kerajaan sedia ada dalam mendepani kemungkinan gelombang keempat Covid-19.

"Selain itu, mesyuarat MKT kali ini juga merupakan platform untuk semua parti lain di luar sana merancang strategi politik terkini sama ada mereka boleh membentuk jajaran kerjasama politik baharu dengan UMNO dan Barisan Nasional (BN) atau tidak."

"Sebagai contoh, adakah UMNO dan BN akhirnya akan mempertimbang kerjasama politik dengan parti-parti pembangkang seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP? Atau mereka akhirnya pertimbang untuk kembali bersama PN?"

"Persoalan-persoalan itu pastinya akan dibincangkan dalam mesyuarat tersebut di samping menuntut penjelasan daripada Ahmad Zahid berhubung kontroversi rakaman perbualan telefon tular suara mirip beliau bersama Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim."

"Semua ini mesti dijelaskan dalam mesyuarat itu demi mengukuhkan kembali kepimpinan parti," katanya.



AHMAD ZAHID



SYED AGIL